

Berita-berita Ringkas Dari Alam Islami

Kerajaan Iran membuat lagi satu langkah baharu untuk membanteras buta huruf dengan mengadakan satu Pasukan Sukarela Persuratan Perempuan seramai 50,000 orang untuk membanteras buta huruf di kampung-kampung di seluruh negeri Iran. Langkah ini bukan sahaja ditujukan untuk membanteras buta huruf tetapi juga untuk memajukan ekonomi di negara itu.

* * *

“Pejabat al-Malik Faisal di Jeddah, dalam masa saya menghadap baginda, saya dapati bilik *office* baginda tidak lebih besar daripada bilik seorang doktor menerima langganannya, dihiasi dengan dindingnya yang disapu biru muda dan dihiasi dengan sebuah meja, dua telefon, dua kerusi sandar dan sedikit-sedikit kerusi lain – kata Dennis Boyt, penulis “*Daily Express*” yang dihantar khas menemui baginda.

Menurutnya di dalam perjumpaan-perjumpaan itu al-Malik Faisal menyatakan dasar kerajaannya: “Dasar kita ialah damai dan kita sentiasa mencari perdamaian di antara saudara-saudara kita. Kita tidak bersetuju apa jenis campuran pun di dalam hal ehwal dalam sesebuah negara. Kita tidak ada niatan kerana menguasai seseorang pun.”

Tetapi dasar damai itu tidak dibuat oleh kerajaan Saudi untuk

menghadapi Israel. Persiapan-persiapan ketenteraan yang dibuat oleh kerajaan Sa‘ūdī adalah tidak lain daripada untuk tujuan mempertahankan Palestin daripada ditakluk oleh Israel.

* * *

Kerajaan Turki telah membelanjakan lebih daripada *semillion* ringgit sebulan kerana membantu orang-orang Turki di Cyprus – demikian dinyatakan oleh parti pemerintah *Justice Party*.

* * *

President Sudan, Ismail al-Azhari yang melawat ke Sa‘ūdī ‘Arabiyah telah mengeluarkan satu kenyataan bersama membuat ketetapan membantu perjuangan Arab Palestin. Kedua-dua negara itu akan berusaha memulangkan Palestin kepada

orang-orang Arab.

* * *


Al-Shaykh Abdullah al-Mubarak Al-Sabah dari Kuwait keluarga dari Amir pemerintah di Kuwait telah menghadiahkan kepada Republik Arab Bersatu sebanyak *semillion* ringgit untuk digunakan kerana membelanjai alat-alat sains di Universiti Kaherah.

* * *

Penduduk Iran sekarang dianggarkan sebanyak 25 hingga 27 *million* orang – bertambah 31.6 peratus daripada angka tahun 1956 sepuluh tahun dahulu. Penduduk luar bandar meningkat hingga 10 *million*.

* * *

Al-Shaykh Sa‘ūd Abdul Aziz Ali



Pemandangan sebelah dalam Masjid Suleyman di Istanbul – Turki.

Abdul Razak, Ketua Parlimen Kuwait yang mengetuai rombongan Parlimen Kuwait melawat ke Jordan mengisytiharkan di Amman bahawa kerajaan Kuwait menghadihkan sebanyak 40,000 pound kerana membina semula Kampung Sammu'i di daerah Hebron (al-Khalil al-Rahman) yang telah binasa kerana serangan Israel dahulu. Al-Shaykh Sa'ud ialah adinda kepada Sheikh Muhammad Abdul Aziz Ali Abdul Razak saudagar yang terkenal di Singapura.

* * *

Apabila Sardar Ibrahim, bekas ketua Azad Kashmir berada di Kaherah ia telah meminta mufti supaya diadakan majlis doa bagi Kashmir. Mufti telah menolak permintaan itu dan memaklumkan bahawa Kementerian Luar Negeri Republik Arab Bersatu tidak mengizinkan.

* * *

Khalifah Abbas, Setiausaha Rendah Hal Ehwal Luar Negeri Sudan telah tiba di Kaherah membawa perutusan *President* Ismail al-Azhari dari

Sudan kepada *President* Nasser. Ia memberitahu pemberita-pemberita perutusan itu ialah cadangan Sudan menyelesaikan pertelingkahan di antara Mesir dengan 'Arabiyyah Sa'udiyah mengenai persoalan Yaman.

* * *

Imam Badar, Ketua Pasukan Beraja di Yaman yang berada di Taif ('Arabiyyah Sa'udiyah) menyatakan disebabkan Mesir memecahkan "perdamaian" yang setahun lamanya itu maka ia tidak dapat lagi menahan dan menyebarkan orang-orangnya. Ia bercakap setelah mengeluarkan kenyataannya di Jeddah menuduh kapal terbang Mesir telah mengebom bandar-bandar, kampung-kampung pasar-pasar dan masjid-masjid di Yaman. Ia menuntut sokongan mereka hak-hak orang Yaman merundingkan hal ehwal mereka sendiri.

* * *

Pakistan akan menolong mendirikan dua kilang di Jordan yaitu kilang tali rami dan kilang kapas. Ia juga akan menolong mengadakan kilang gula di sana.

* * *

Jawatankuasa Tertinggi Arab bagi Palestin telah meminta kepada dunia Arab dan dunia Islam, negara-negara pertubuhan dan perseorangan – untuk membantu Jordan dan bukan hanya untuk mempertahankan serangan-serangan lagi dari Israel tetapi bagi membebaskan tanah suci Palestin.

* * *

Menteri Luar Kerajaan Beraja Yaman, Ahmad Shami, di dalam kenyataannya di Jeddah, telah menuduh Mesir telah menjatuhkan gas beracun di kawasan yang berhampiran dengan tempat Palang Merah Bangsa-bangsa di dalam serangan-serangan kapal terbang Mesir yang besar dari sebelah timur.

* * *

Algeria telah meminjam sebanyak 15 *million* ringgit Amerika dari *Bank of America* kerana membuka dan meluaskan perusahaan minyaknya. Hutang itu digunakan kerana membeli enam buah *pump station* yang dengannya menaikkan hasil-hasil negara dari 17 *million* tahun 1968.

Sudah terbit!

Cetakan baharu

Mari Sembahyang

(Lelaki)

Dengan beberapa perubahan dari segi teknik dan isi, dipenuhi dengan gambar-gambar baharu. Tiap-tiap bacaan sembahyang ditulis dengan huruf Rumi untuk memudahkan murid-murid sekolah Inggeris dan orang-orang yang baru masuk Islam. Dengan memiliki kitab ini semua orang boleh belajar sembahyang dengan lekas dan mudah.

Harga sebuah \$1.20

Pesanlah kepada:

Qalam

356, Geylang Road, Singapura, 14

¹ Perkataan sebenar ialah menuduh.